



Headline: Pesara rugi RM196,000 diperdaya *scammer*

Publication/Portal: Sinar Harian

Date: 21 February 2020

Language: Malay

Section: Negeri

Page: 30

Pesara rugi RM196,000 diperdaya *scammer*

KUANTAN - Seorang pesara kerugian RM196,000 apabila semua wangnya dipindahkan ke 12 akaun bank milik individu lain atas arahan seorang ‘pegawai polis’ pada 4 Januari lalu.

Mangsa yang berusia 58 tahun itu diarah berbuat demikian bagi tujuan siasatan selepas nama dan kad banknya didakwa telah disalah guna pihak lain untuk mengambil pil tidur dari sebuah hospital selain dikaitkan dengan kes dadah.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendant Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa membuat 21 transaksi bayaran pada 7 Disember tahun lepas hingga 13 Januari lalu.

Menurutnya, bayaran dibuat melalui 12 akaun bank berbeza yang diberikan pegawai polis palsu berkenaan.

“Mangsa kemudian diminta membuat bayaran tambahan RM50,000 namun dia tidak berbuat demikian kerana sudah kehabisan wang.

“Mangsa yang mula curiga dan syak ditipu bertindak membuat laporan polis semalam (kelmarin),” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.